

# Warga Iran edar dadah di Malaysia bertambah

**KUALA LUMPUR** – Penglibatan warga Iran dalam kegiatan pengedaran dadah di Malaysia menunjukkan peningkatan ketara dalam masa dua tahun ini dengan 138 rakyat negara itu diberkas tahun

ini berbanding 16 tangkapan pada tahun 2009.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop berkata, daripada jumlah itu, 121 tangkapan melibatkan

'keldai dadah' yang dipergunakan untuk membawa dadah manakala bakinya disyaki pengendali dan anggota sindiket dadah.

"Dadah jenis syabu turut di-

seludup menggunakan kargo udara iaitu penerbangan dari Teheran melalui transit Dubai, Armenia, Kish, Doha dan Colombo sebelum tiba di Malaysia," katanya dalam satu kenyataan di

sini semalam.

Sehingga 5 Oktober lepas, rampasan syabu ialah sebanyak 288.65 kilogram (kg), cecair syabu (466kg), minyak syabu (327kg) dan kokain (4kg).